



BOLING PADANG

1. UNDANG-UNDANG PERMAINAN

Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-Undang Persekutuan Lawn Bowls Antarabangsa (Law of the Sports of Bowl Crsytal Mark Edition) dan Persekutuan Lawn Bowls Malaysia yang sedang berkuatkuasa dan akan diakui sepanjang masa kejohanan ini.

2. PERATURAN PERTANDINGAN

Mengikut Undang-Undang dan Peraturan Am Pertandingan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) yang dikuatkuasakan sepanjang masa.

3. JENIS PERTANDINGAN

Pertandingan Antara Pasukan Universiti-Universiti Awam Malaysia dan Universiti Jemputan MASUM.

4. PENDAFTARAN PEMAIN

- 4.1 Pendaftaran nama-nama pemain hendaklah dilakukan dengan menggunakan borang yang disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola dan hanya pemain-pemain yang berdaftar sahaja dibenarkan untuk bermain.
- 4.2 Tiap-tiap pasukan mestilah mengandungi tidak kurang daripada lima (5) orang pemain dan seorang pemain simpanan.

5. CARA PERTANDINGAN

- 5.1 Kejohanan ini adalah diantara pasukan.
- 5.2 Acara yang akan dipertandingkan adalah:
 - 5.2.1 Perseorangan
 - 5.2.2 Bergu (Pairs)
 - 5.2.3 Bertiga (Triples)
 - 5.2.4 Berempat (Fours)
- 5.3 Permainan akan dijalankan mengikut disiplin permainan.
- 5.4 Susunan pemain hendaklah mengikut aturan permainan dimana acara perseorangan akan bermain serentak dengan acara berempat manakala acara bergu akan dijalankan serentak dengan acara bertiga.

6. SISTEM PERTANDINGAN

- 6.1 Masa bermain bagi acara Bergu, Bertiga dan Berempat adalah selama 2 jam atau 15 ends yang mana terdahulu. Manakala bagi acara perseorangan masa bermain adalah 2 jam atau apabila salah seorang dari pemain tersebut mencapai mata 21 yang mana terdahulu.

- 6.2 Untuk acara perseorangan, pemain di benarkan melihat perubahan pada 'Head' adalah selepas meleretkan bowls ketiga dan untuk acara pasukan hanya skip sahaja yang dibenarkan. Pemain-pemain yang lain tidak dibenarkan sama sekali.
- 6.3 Pertukaran pemain boleh dibuat bagi pemain Bergu, Bertiga dan Berempat sahaja. Pertukaran hanya boleh dibuat sebelum perlawanan sahaja dan bukan semasa perlawanan sedang berlangsung.
- 6.4 Bagi perlawanan peringkat kumpulan, perlawanan akan dijalankan secara liga.
- 6.5 Bagi perlawanan suku akhir, separuh akhir, penentuan ketiga/keempat dan akhir akan dijalankan secara kalah mati.

7. CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN

- 7.1 Pemberian mata perlawanan:
 - 7.1.1 Menang - 3 mata
 - Seri - 1 mata
 - Kalah - 0 mata
- 7.2 Pasukan yang mendapat jumlah mata yang tertinggi akan dikira sebagai pemenang.
- 7.3 Jika masih seri, pasukan yang memperolehi jumlah perbezaan skor terbanyak dikira sebagai pemenang.
- 7.4 Jika masih seri, pasukan yang mendapat jumlah skor terbanyak di kira sebagai pemenang
- 7.5 Jika masih seri, pasukan yang mengalahkan lawan di kira menang
- 7.6 Jika masih seri, pasukan yang mendapat jumlah kemenangan end terbanyak dari perlawanan keseluruhan dikira pemenang
- 7.7 Jika masih tiada keputusan, sistem 'Sudden Death Bowls' akan dilakukan (penentuan akan ditentukan berdasarkan 1 end).
- 7.8 Keputusan Johan Keseluruhan pasukan akan ditentukan berdasarkan jumlah kutipan pingat emas yang terbanyak dari 4 disiplin.
- 7.9 Jika masih seri, kutipan tertinggi pingat perak akan diambil kira bagi menentukan pemenang.
- 7.10 Jika masih seri, kutipan pingat gangsa akan diambil kira bagi menentukan pemenang.

8. KELEWATAN

- 8.1 Setiap perlawanan hendaklah dimulakan sebaik sahaja isyarat bermain diberikan oleh pengadil.
- 8.2 Mana-mana perlawanan yang tidak dapat dijalankan setelah isyarat bermain diberikan dari kelewatan mana-mana pasukan, penalti skor akan dikenakan seperti berikut:-
 - 8.2.1 Mana-mana pasukan yang lewat 5 minit akan memberi satu (1) skor kepada pihak lawan dan lima minit seterusnya sehinggalah melebihi 15 minit maka kemenangan percuma diberikan kepada pihak lawan dengan skor 7-0.
- 8.3 Jika permainan telah berlangsung lebih 1 jam atau 8 end dan berlaku gangguan cuaca, keputusan permainan akan diambil kira. Jika gangguan cuaca berlangsung dan perlawanan tidak melebihi 1 jam atau 8 end, perlawanan akan diberhentikan selama 30 minit dan keputusan perlawanan akan ditentukan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Boling Padang MASUM.

9. PAKAIAN

- 9.1 Setiap pasukan hendaklah menggunakan pakaian yang seragam dalam setiap perlawanan.
- 9.2 Jersi atau baju T yang berkolar sahaja dibenarkan
- 9.3 Kasut hendaklah tidak bertumit dan bertapak rata sahaja yang dibenarkan

10. RE – SPOT JACK

- 10.1 Tiada 'dead end' dalam permainan.
- 10.2 Jika jack telah keluar dari 'rink' ianya akan diletakkan point terdekat dimana ianya 2 meter dari 'ditch' dan 1.5 meter di kiri & kanan 'T' mengikut arah keluarnya jack tersebut.

11. BANTAHAN/RAYUAN

Sila rujuk Peraturan Am (13.0) MASUM

12. PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Sila rujuk Peraturan Am (21.0) MASUM